

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan
menarik semula atau memansuhkan perintah darurat memandangkan
Malaysia telah merdeka selama 57 tahun.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia tidak lagi berada dalam keadaan darurat kerana usul pengungkaian (“*annulment*”) tiga Proklamasi Darurat yang terakhir berkuat kuasa telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24 November 2011 dan Dewan Negara pada 20 Disember 2011. Usul untuk mengungkaikan Proklamasi Darurat dibuat di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Tiga Proklamasi Darurat yang terakhir berkuat kuasa tersebut adalah sebagaimana yang berikut:

- (a) Proklamasi Darurat 1966, yang dikeluarkan di Sarawak bertujuan untuk membolehkan Kerajaan menyelesaikan pertikaian politik di Sarawak;
- (b) Proklamasi Darurat 1969, yang dikeluarkan pada 15 Mei 1969 berikutan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969;
- (c) Proklamasi Darurat 1977, yang dikeluarkan di Kelantan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian politik di Kelantan.

2. Dengan pengungkaian Proklamasi Darurat itu, menurut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, apa-apa ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat tersebut dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan

semasa Proklamasi Darurat tersebut berkuat kuasa setakat yang undang-undang itu tidak dapat dibuat dengan sahnya jika tidak kerana Perkara 150 tersebut, akan terhenti berkuat kuasa selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh Proklamasi Darurat tersebut dibatalkan, iaitu pada 22 Jun 2012.

3. Antara ordinan dan undang-undang yang terbatal mulai 22 Jun 2012 ialah Akta Darurat (Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Sarawak) 1966, Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979, Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) 1975 (“ESCAR”) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayan) 1969.

Sekian, terima kasih.